



15 Jun 2012  
15 June 2012  
P.U. (A) 179

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2012

*CYBER CENTRE AND CYBER CAFE  
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1992

KAEDAH-KAEDAH PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2012

---

SUSUNAN KAEDAH

---

Kaedah

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Larangan bagi mengendalikan pusat siber dan kafe siber tanpa lesen
4. Permohonan bagi lesen
5. Bentuk lesen
6. Fi Lesen
7. Jaminan
8. Tatacara bagi pembatalan lesen
9. Ketidaklayakan
10. Larangan
11. Rekod kemasukan pelanggan
12. Rekod penggunaan komputer
13. Daftar pekerja
14. Keperluan khas untuk kafe siber
15. Pemeriksaan kesihatan
16. Kebersihan pekerja
17. Pengalihan udara, pencahayaan dan kelengkapan mencegah kebakaran
18. Kehendak kebersihan dan penyenggaraan premis
19. Waktu perniagaan
20. Sekatan tidak dibenarkan
21. Pemasangan sistem rekod transaksi

Kaedah

22. Pemasangan peralatan keselamatan

23. Pengecualian

24. Penalti

JADUAL

AKTA HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1992

KAEDAH-KAEDAH PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30 Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [*Akta 493*], Menteri membuat kaedah-kaedah berikut:

**Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pusat Siber dan Kafe Siber (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2012.

(3) Kaedah-Kaedah ini terpakai hanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [*Akta 493*];

“dadah berbahaya” hendaklah mempunyai erti yang sama di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*];

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“kafe siber” ertinya mana-mana tempat atau premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan;

“komputer” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Jenayah Komputer 1997 [*Akta 563*];

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 5(2) Akta;

“pegawai kesihatan” ertinya pengamal perubatan yang telah diberikan kuasa oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia secara bertulis di bawah seksyen 34C Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] atau seorang pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] atau pegawai perubatan yang dilantik oleh Datuk Bandar;

“peralatan keselamatan” termasuklah kamera litar tertutup atau apa-apa peralatan elektronik lain sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;

“premis berlesen” ertinya mana-mana tempat atau premis yang digunakan bagi menjalankan perniagaan pusat siber atau kafe siber sebagaimana yang dilesenkan oleh Datuk Bandar di bawah Kaedah-Kaedah ini; dan

“pusat siber” ertinya mana-mana tempat atau premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

### **Larangan bagi mengendalikan pusat siber dan kafe siber tanpa lesen**

3. Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tempat atau premis sebagai pusat siber atau kafe siber melainkan suatu lesen bagi maksud tersebut telah dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini oleh Datuk Bandar.

**Permohonan bagi lesen**

4. (1) Jika apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki di bawah subseksyen 6(3) Akta tidak dikemukakan oleh pemohon dalam masa yang ditetapkan oleh Datuk Bandar, permohonan untuk lesen itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), pemohon boleh mengemukakan permohonan baru.

(3) Datuk Bandar boleh menghendaki seseorang pemohon supaya hadir sendiri dan, dalam hal sesuatu perbadanan atau firma, melalui pengarah atau pekerjanya, untuk memberi apa-apa penjelasan berkaitan dengan permohonan bagi pengeluaran lesen.

(4) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah tertakluk kepada—

- (a) kesesuaian dan keluasan tempat atau premis yang akan digunakan sebagai pusat siber atau kafe siber;
- (b) bilangan unit komputer yang akan ditentukan di premis berlesen dan pemberian nombor pengenalan untuk setiap unit komputer yang ditentukan di premis berlesen itu;
- (c) syarat dan sekatan yang dikenakan;
- (d) bayaran jaminan wang sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah 7; dan

(e) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam kaedah 6.

### **Bentuk lesen**

5. Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

### **Fi lesen**

6. (1) Fi lesen tahunan yang kena dibayar bagi pengeluaran sesuatu lesen pusat siber atau kafe siber adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Fi yang dibayar bagi lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini tidak boleh dibayar balik.

### **Jaminan**

7. (1) Datuk Bandar boleh menghendaki mana-mana orang yang kepadanya lesen telah diberikan untuk memberi jaminan di bawah seksyen 10 Akta tidak melebihi lima puluh ribu ringgit sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Sesuatu jaminan wang yang dibayar hendaklah, melainkan dilucuthakkan, dibayar balik kepada pemegang lesen dengan tiada pelarasan bagi faedah atas amaun yang diberikan di bawah subkaedah (1) selepas pemegang lesen berhenti mengendalikan pusat siber atau kafe siber itu dan lesen diserahkan balik kepada Datuk Bandar dalam keadaan lesen itu belum tamat tempoh.

(3) Bagi maksud subkaedah (2), pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar secara bertulis jika dia berhasrat untuk berhenti mengendalikan pusat siber atau kafe siber itu. Pemegang lesen hendaklah memohon kepada Datuk Bandar dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia berhenti mengendalikan pusat siber atau kafe siber itu untuk jaminan wangnya dikembalikan.

(4) Sekiranya pemegang lesen tidak memohon untuk jaminan wangnya dikembalikan, wang jaminan tersebut akan dilucuthakkan kepada Datuk Bandar.

### **Tatacara bagi pembatalan lesen**

8. (1) Tertakluk kepada seksyen 11 Akta, jika Datuk Bandar bercadang untuk membatalkan sesuatu lesen apabila telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan Akta, kaedah-kaedah atau syarat atau sekatan lesen, Datuk Bandar hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu notis untuk memberi tunjuk sebab dalam tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Datuk Bandar di dalam notis itu tentang kenapa lesennya tidak sepatutnya dibatalkan.

(2) Jika alasan telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan, Datuk Bandar boleh, setelah mempertimbangkan alasan yang dikemukakan oleh pemegang lesen, memutuskan sama ada untuk membatalkan lesen atau tidak.

(3) Jika tiada alasan diterima dalam tempoh yang ditetapkan, Datuk Bandar boleh terus membatalkan lesen itu.

### **Ketidaklayakan**

9. Tiada lesen boleh dikeluarkan kepada seseorang—

- (a) yang berumur di bawah dua puluh satu tahun;
- (b) untuk menjalankan suatu pusat siber atau kafe siber di tingkat lain selain daripada tingkat bawah sesuatu tempat atau premis; atau
- (c) jika tempat atau premis yang dicadangkan, pada pendapat Datuk Bandar, tidak sesuai untuk digunakan sebagai pusat siber atau kafe siber atau tempat atau premis yang dicadangkan terletak

dalam kawasan yang tidak sesuai untuk mengadakan pusat siber atau kafe siber.

**Larangan**

10. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh—
- (a) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;
  - (b) mengambil mana-mana orang yang bukan warganegara tanpa permit kerja yang sah untuk bekerja di premis berlesen;
  - (c) membenarkan apa-apa perjudian atau apa-apa bentuk perbuatan yang boleh menyebabkan kacau ganggu, gangguan, kecederaan atau kebisingan kepada penduduk di kawasan persekitaran premis berlesen;
  - (d) menayangkan, mempamerkan atau membenarkan pelanggan memuat turun apa-apa gambar atau artikel yang kurang sopan atau lucah di premis berlesen;
  - (e) membenarkan penjualan apa-apa bahan cetak yang berunsur negatif atau lucah di premis berlesen;
  - (f) membenarkan apa-apa binatang berada di dalam premis berlesen;
  - (g) mengadakan apa-apa aktiviti lain di premis berlesen selain daripada aktiviti yang dinyatakan dalam lesennya;

- (h) mengunci pintu masuk ke premis berlesen sewaktu perniagaan dijalankan;
- (i) membenarkan pelajar berpakaian seragam sekolah memasuki atau terus berada di premis berlesen;
- (j) membenarkan penjualan minuman beralkohol atau rokok atau dadah berbahaya di premis berlesen;
- (k) membenarkan mana-mana orang atau pelanggan merokok atau meminum minuman beralkohol atau menggunakan apa-apa jenis dadah berbahaya di dalam premis berlesen;
- (l) menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama atau nilai murni masyarakat Malaysia;
- (m) menggunakan cermin gelap di premis berlesen; atau
- (n) membenarkan apa-apa aktiviti kurang sihat di dalam premis berlesen.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Rekod kemasukan pelanggan**

11. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan menyelenggara suatu rekod kemasukan pelanggan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar boleh pada bila-bila masa memeriksa rekod berkenaan dan pemegang lesen hendaklah mengemukakan rekod berkenaan apabila diminta berbuat demikian.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Rekod penggunaan komputer**

12. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menyelenggara rekod penggunaan untuk setiap komputer yang ditentukan di bawah perenggan 4(4)(b) di premis berlesennya yang hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) nama dan nombor kad pengenalan pengguna atau nombor passport bagi pengguna yang bukan warganegara;
- (b) nombor telefon pengguna;
- (c) pengenalan komputer yang digunakan;
- (d) tarikh, masa dan tempoh penggunaan komputer tersebut; dan
- (e) apa-apa maklumat tambahan lain yang pemegang lesen fikirkan perlu.

(2) Datuk Bandar boleh pada bila-bila masa memeriksa rekod berkenaan dan pemegang lesen hendaklah mengemukakan rekod berkenaan apabila diminta berbuat demikian.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Daftar pekerja**

13. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu buku daftar yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman terkini, kelayakan, gambar dan apa-apa butiran lain yang berkaitan dengan pekerjaanya dan hendaklah mengemukakan buku daftar itu pada bila-bila masa untuk pemeriksaan apabila diminta oleh Datuk Bandar.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Keperluan khas untuk kafe siber**

14. (1) Mana-mana pemegang lesen kafe siber yang telah dilesenkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah memohon lesen establisymen makanan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 [*P.U. (A) 149/1985*].

(2) Datuk Bandar boleh menentukan jenis makanan dan minuman yang boleh disediakan atau dihidangkan dalam sesuatu kafe siber.

(3) Datuk Bandar boleh secara bertulis memerintahkan penutupan serta merta mana-mana kafe siber di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 [*P.U. (A) 149/1985*] jika Datuk Bandar berpendapat bahawa kafe siber tersebut semunasabahnya disyaki sebagai

punca atau mungkin menjadi punca jangkitan penyakit dan pemegang lesen kafe siber yang gagal mematuhi perintah itu adalah melakukan satu kesalahan.

(4) Datuk Bandar boleh mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menutup kafe siber itu jika pemegang lesen gagal mematuhi perintah yang dikeluarkan di bawah perenggan (3)(a).

(5) Datuk Bandar boleh, selepas penyiasatan wajar dibuat, membenarkan kafe siber tersebut dibuka semula jika beliau berpuas hati bahawa punca jangkitan penyakit telah dihapuskan.

### **Pemeriksaan kesihatan**

15. Pemegang lesen kafe siber hendaklah memastikan pekerjaannya menjalani pemeriksaan kesihatan oleh seorang pegawai kesihatan dan mendapatkan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit setahun sekali atau pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Datuk Bandar.

### **Kebersihan pekerja**

16. Pemegang lesen kafe siber hendaklah memastikan pekerjaannya—

- (a) sentiasa dalam keadaan bersih;
- (b) memakai pakaian seragam yang bersih dan sopan yang dibekalkan oleh pemegang lesen;
- (c) tidak meludah, membuang hingus dan merokok atau menggunakan atau menghidu tembakau semasa menjalankan tugasnya; dan

- (d) tiada luka atau kulit jari atau tangannya melelas melainkan jika luka atau lelasan itu dibalut dengan sempurna dengan pembalut yang kalis air.

**Pengalihan udara, pencahayaan dan kelengkapan mencegah kebakaran**

17. (1) Pemegang lesen premis berlesen hendaklah memastikan bahawa—
- (a) pencahayaan yang mencukupi dan bersesuaian terdapat di dalam premisnya;
  - (b) terdapat pengalihan udara yang mencukupi di dalam premisnya;
  - (c) lataran tangga, tangga, jalan lalu, laluan keluar dan laluan kecemasan yang menjadi sebahagian daripada premisnya disediakan dengan pencahayaan yang mencukupi dan bebas daripada segala halangan; dan
  - (d) kelengkapan mencegah kebakaran dipasang di dalam premisnya dan disenggarakan dalam keadaan baik.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kehendak kebersihan dan penyenggaraan premis**

18. (1) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) memastikan semua kelengkapan mekanikal atau elektrik yang digunakan di dalam premisnya disenggara dalam keadaan baik dan sentiasa selamat untuk digunakan;
- (b) menjaga semua kawasan, bahagian hadapan dan ruang terbuka yang menjadi sebahagian daripada premisnya supaya berada dalam keadaan bersih;
- (c) menyediakan tong sampah yang mencukupi di premisnya; dan
- (d) menyediakan kemudahan tandas yang mencukupi dan memastikan tandas sentiasa dalam keadaan bersih.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Waktu perniagaan**

19. (1) Waktu perniagaan bagi premis berlesen hendaklah sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Bandar di dalam lesen.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), mana-mana pelanggan di bawah umur dua belas tahun hanya boleh dibenarkan berada di dalam premis berlesen atau menggunakan apa-apa perkhidmatan yang disediakan di premis berlesen sehingga pukul 10.00 malam dan hendaklah di sepanjang masa berada di premis berlesen ditemani oleh ibu bapa atau penjaga yang sah.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Sekatan tidak dibenarkan**

20. (1) Pemegang lesen premis berlesen tidak boleh menyekat keseluruhan atau membenarkan penyekatan keseluruhan ruang-ruang yang menempatkan komputer yang disediakan untuk kegunaan pelanggannya di dalam premis berlesennya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Pemasangan sistem rekod transaksi**

21. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan sistem rekod data transaksi untuk penggunaan internet dalam setiap komputer yang ditempatkan di dalam premis berlesennya.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan data rekod di bawah subkaedah (1) disimpan dan tidak boleh dipadamkan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh penggunaan internet bagi setiap komputer di dalam premis berlesennya.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Pemasangan peralatan keselamatan**

22. (1) Pemegang lesen hendaklah memasang peralatan keselamatan di premis berlesennya sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa peralatan keselamatan itu dipasang dan disenggara dengan baik dan berfungsi pada setiap masa.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Pengecualian**

23. Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini, sama ada dengan atau tanpa syarat.

**Penalti**

24. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini, syarat-syarat atau sekatan lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

JADUAL  
[kaedah 6]

FI LESEN TAHUNAN :

(A)	Pusat siber	...	...	RM150.00 bagi setiap komputer
(B) Kafe siber :				
(a)	Luas lantai tidak melebihi 90 meter persegi	...	...	RM200.00 dan tambahan RM150.00 bagi setiap komputer
(b)	Luas lantai melebihi 90 meter persegi tetapi tidak melebihi 120 meter persegi	...	...	RM300.00 dan tambahan RM150.00 bagi setiap komputer
(c)	Luas lantai melebihi 120 meter persegi	...	...	RM400.00 dan tambahan RM150.00 bagi setiap komputer

Dibuat 8 Jun 2012

[KWP(S):24/PUU/698/1/1/6; JHEU2/49/2007; PN(PU2)526]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN  
*Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*

ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ACT 1992

CYBER CENTRE AND CYBER CAFE  
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 2012

---

ARRANGEMENT OF RULES

---

Rules

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation
3. Prohibition for operating cyber centre and cyber cafe without licence
4. Application for licence
5. Form of licence
6. Licence fee
7. Security
8. Procedure for revocation of licence
9. Disqualification
10. Prohibitions
11. Customer entry record
12. Record of computer usage
13. Register of employee
14. Special requirement for cyber cafe
15. Medical examination
16. Employee's cleanliness
17. Ventilation, lighting and fire-fighting equipment
18. Sanitary requirements and maintenance of the premise
19. Business hour
20. Partition not allowed
21. Installation of transaction record system
22. Installation of safety equipment

Rules

23. Exemption

24. Penalty

SCHEDULE

ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ACT 1992

CYBER CENTRE AND CYBER CAFE  
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 2012

IN exercise of the powers conferred by section 30 of the Entertainment (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 1992 [*Act 493*], the Minister makes the following rules:

**Citation, commencement and application**

1. (1) These rules may be cited as the **Cyber Centre and Cyber Cafe (Federal Territory of Kuala Lumpur) Rules 2012**.

(2) These Rules shall come into operation on 15 June 2012.

(3) These Rules shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

**Interpretation**

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Entertainment (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 1992 [*Act 493*];

“dangerous drug” shall have the same meaning assigned to it in the Dangerous Drugs Act 1952 [*Act 234*];

“Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under Federal Capital Act 1960 [*Act 190*];

“cyber cafe” means any place or premise providing computer facilities to surf internet and selling food and drinks to customer;

“computer” shall have the same meaning as defined under section 2 of the Computer Crimes Act 1997 [Act 563];

“licence” means a licence issued under subsection 5(2) of the Act;

“medical officer” means the medical practitioner empowered in writing by the Director General of Health Malaysia under section 34C of the Medical Act 1971 [Act 50] or a medical officer registered under the Medical Act 1971 [Act 50] or a medical officer appointed by the Commissioner;

“safety equipment” includes closed circuit television or any other electronic equipment as may be determined by the Commissioner.

“licensed premise” means any place or premise used for carrying out business as cyber centre or cyber cafe as licensed by the Commissioner under these Rules; and

“cyber centre” means any place or premise providing computer facilities to surf internet.

### **Prohibition for operating cyber centre and cyber cafe without licence**

3. No person shall use any place or premise as a centre or cyber cafe unless a licence for that purpose has been issued under these Rules by the Commissioner.

### **Application for licence**

4. (1) Where any document or information required under subsection 6(3) of the Act is not provided by the applicant within the time specified by the

Commissioner, the application for the licence shall be deemed to have been withdrawn.

(2) Notwithstanding subrule (1), the applicant may submit a fresh application.

(3) The Commissioner may require an applicant to attend in person and, in the case of a corporation or a firm, by its director or employee, to provide any explanation in respect of the application for the issuance of a licence.

(4) A licence issued under these Rules shall be subject to—

- (a) the suitability and size of the place or premise to be used as a cyber centre or cyber café;
- (b) the number of computer to be determined in the licensed premise and the provision of identification description number for each unit of computer determined in the licensed premise;
- (c) conditions and restrictions imposed;
- (d) payment of security as provided in rule 7; and
- (e) payment of a licence fee as prescribed in rule 6.

**Form of licence**

5. A licence issued under these Rules shall be in such form as may be determined by the Commissioner.

**Licence fee**

6. (1) The annual licence fee payable for the issuance of a licence for cyber centre or cyber cafe is as prescribed in the Schedule.

(2) Fee paid for a licence issued under these Rules shall not be refundable.

**Security**

7. (1) The Commissioner may require any person to whom a licence is granted to give security under section 10 of the Act of not more than fifty thousand ringgit as the Commissioner may determine.

(2) The security paid shall, unless forfeited, be refunded to the licensee with no adjustment for interest on the amount deposited under subrule (1) after the licensee has ceased operating such cyber centre or cyber cafe and the licence is surrendered to the Commissioner in the event that the licence has not expired.

(3) For the purpose of subrule (2), the licensee shall inform the Commissioner in writing if he intends to stop operating the cyber centre or cyber cafe. The licensee shall apply to the Commissioner within thirty days from the date he has ceased operating the cyber centre or cyber cafe for his security to be refunded.

(4) If the licensee does not apply for his security to be refunded, the security will be forfeited to the Commissioner.

**Procedure for revocation of licence**

8. (1) Subject to section 11 of the Act, if the Commissioner intends to revoke a licence when there is a breach of any of the provisions of the Act, rules or conditions or restrictions of the licence, the Commissioner shall give to the licensee a notice to show cause within a period as specified in the notice by the Commissioner as to why his licence shall not be revoked.

(2) If the reason is received within the specified period, the Commissioner may, after perusing the reason given by the licensee, decide whether to revoke or not to revoke a licence.

(3) If there is no reason received within the specified period, the Commissioner may summarily revoke such licence.

### **Disqualification**

9. No licence shall be issued to a person—

- (a) under twenty one years old;
- (b) to operate a cyber centre or cyber cafe at any other floor other than at a ground floor of a place or premise; or
- (c) if the proposed place or premise which, in the opinion of the Commissioner, is not suitable to be used as a cyber centre or cyber cafe or the proposed place or premise is located in the area which is not suitable for operating cyber centre or cyber cafe.

### **Prohibitions**

10. (1) No licensee shall—

- (a) employ any person who is under the age of eighteen years;
- (b) employ any person who is a non-citizen without a valid work permit to work in the licensed premise;

- (c) allow any gaming or any conduct which will cause nuisance, disturbance, injury or noise to the residents within the surrounding area of the licensed premise;
- (d) display, exhibit or allow the customer to download any obscene pictures or articles in the licensed premise;
- (e) allow in the licensed premise the selling of printed materials which are obscene and negative in nature;
- (f) allow any animal to remain in the licensed premise;
- (g) hold any other activity in the licensed premise other than the activity specified in his licence;
- (h) lock the entrance door to the licensed premise during business hours;
- (i) allow any student in school uniform to enter or to remain in the licensed premise;
- (j) allow the selling of alcoholic drinks or cigarettes or dangerous drugs in the licensed premise;
- (k) allow any person or any customer to smoke or drink alcoholic drinks or to consume any dangerous drugs in the licensed premise;
- (l) exhibit or display any picture that is not suitable to the custom, religion or good value of Malaysian community;

(m) use tinted glass in the licensed premise; or

(n) allow any unhealthy activities in the licensed premise.

(2) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

### **Customer entry record**

11. (1) The licensee shall provide and maintain a customer entry record in such form as may be determined by the Commissioner.

(2) The Commissioner may at any time inspect such record and the licensee shall produce such record when he is required to do so.

(3) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

### **Record of computer usage**

12. (1) The licensee shall provide and maintain a record of computer usage for each computer determined under paragraph 4(4)(b) in his licensed premise which shall consist of the following items:

(a) name and identity card number of the user or passport number for non-citizen;

- (b) telephone number of the user;
- (c) identification number of the computer used;
- (d) date, time and period of use of such computer; and
- (e) any other additional information which the licensee thinks necessary.

(2) The Commissioner may at any time inspect such record and the licensee shall produce such record when he is required to do so.

(3) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

### **Register of employee**

13. (1) The licensee shall provide a register containing the name, identity card number, recent residential address, qualification, photograph and any other relevant particulars of his employees and shall produce the register for inspection whenever required by the Commissioner.

(2) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

**Special requirement for cyber cafe**

14. (1) A cyber cafe licensed under these Rules shall apply a food establishment licence under the Licensing of Food Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1985 [*P.U (A) 149/1985*].

(2) The Commissioner may determine the type of food and drink which may be provided or served in such cyber cafe.

(3) The Commissioner may in writing order the closure forthwith under the Licensing of Food Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1985 [*P.U (A) 149/1985*] any cyber cafe if he is in the opinion that such cyber cafe is reasonably suspected of being or is likely to become a source of disease infection and the licensee of the cyber cafe who fails to comply with such order shall be guilty of an offence.

(4) The Commissioner may take any necessary steps to close the cyber cafe if the licensee fails to comply with the order issued under paragraph (3)(a).

(5) The Commissioner may, after proper investigation has been done, allow such cyber cafe to re-open if he is satisfied that the source of disease infection has been abated.

**Medical examination**

15. The licensee of a cyber cafe shall ensure that his employee undergo medical examination by a medical officer and to be inoculated against any infectious disease once a year or at any time as may be directed by the Commissioner.

**Employee's cleanliness**

16. The licensee of a cyber cafe shall ensure that his employees—

- (a) are always clean;
- (b) dress in clean and decent uniform supplied by the licensee;
- (c) do not spit, expel mucus and smoke or use tobacco or snuff whilst providing or serving food and drinks; and
- (d) have no cuts or skin abrasions of the hands or fingers unless such cuts or skin abrasions are properly dressed with water proof dressing.

**Ventilation, lighting and fire-fighting equipment**

17. (1) The licensee of the licensed premise shall ensure that—

- (a) there is sufficient and adequate lighting in his licensed premise;
- (b) there is an adequate ventilation in his licensed premise;
- (c) landings, staircases, passages, exits and emergency exit forming part of his licensed premise are provided with adequate lighting and are kept clear from any obstructions; and
- (d) adequate fire-fighting equipments are installed in his licensed premise and maintained in good working condition.

(2) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

**Sanitary requirements and maintenance of the premise**

18. (1) The licensee shall—

- (a) ensure that all mechanical or electrical equipment which has been used in his licensed premise is maintained in good order and repair and safe to be used at all times;
- (b) keep all yards, areas, forecourts and open spaces forming part of the licensed premise in a clean condition;
- (c) provide sufficient refuse bin in his premise; and
- (d) provide sufficient toilet facility in the licensed premise and shall ensure that the toilet is kept clean at all times.

(2) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

**Business hour**

19. (1) The business hours of a licensed premise shall be as specified by the Commissioner in the licence.

(2) Notwithstanding subrule (1), any customer below the age of twelve years shall only be allowed to be in the licensed premise or to use any services provided in the licensed premise until 10.00 pm and shall be accompanied at all times by his parent or legal guardian.

(3) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

**Partition not allowed**

20. (1) The licensee shall not fully partition or permit to be fully partitioned spaces for placing the computer provided for the use of his customer in his licensed premise.

(2) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

**Installation of transaction record system**

21. (1) The licensee shall provide data transaction record system for internet usage for each computer provided in the licensed premise.

(2) The licensee shall ensure such data records under subrule (1) is kept and not deleted within twelve months from the date of the usage of internet for each computer provided in the licensed premise.

(3) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

**Installation of safety equipment**

22. (1) The licensee shall install safety equipment at his licensed premise as may be determined by the Commissioner.

(2) The licensee shall ensure that the safety equipment is installed and maintained in good working order and condition at all times.

(3) Any licensee who contravenes this rule commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

**Exemption**

23. The Commissioner may conditionally or unconditionally exempt any licensee from any provision of these Rules.

**Penalty**

24. Any person who contravenes any provisions of these Rules, conditions or restrictions of licence shall be guilty of an offence and shall on conviction, be liable to a fine of not less than two thousand ringgit but not more than twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

SCHEDULE  
[rule 6]

ANNUAL FEE LICENCE :

- |                  |   |     |     |   |
|------------------|---|-----|-----|---|
| (A)              | Cyber centre  | ... | ... | RM150.00 for each computer                    |
| (B) Cyber cafe : |   |     |     |   |
| (a)              | Floor area not exceeding 90 square metre                                | ... | ... | RM200.00 and extra RM150.00 for each computer |
| (b)              | Floor area exceeding 90 square metre but not exceeding 120 square metre | ... | ... | RM300.00 and extra RM150.00 for each computer |
| (c)              | Floor area exceeding 120 square metre                                   | ... | ... | RM400.00 and extra RM150.00 for each computer |

Made 8 June 2012

[KWP(S):24/PUU/698/1/1/6; JHEU2/49/2007; PN(PU2)526]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN  
*Minister of Federal Territories and Urban Wellbeing*